



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “MERENUNG HIKMAH SIRAH NABI MUSA AS”

28 Julai 2023 / 10 Muharram 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الْقَائِلِ

﴿لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِأُولِي الْأَلْبَابِ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَىٰ وَلَٰكِن تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿١١١﴾﴾

Bermaksud: Sesungguhnya kisah-kisah para Nabi itu mengandungi pengajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang yang mempunyai akal. (Kisah para Nabi yang terkandung dalam al-Quran) itu bukanlah cerita yang diada-adakan tetapi membenarkan (kitab-kitab) yang sebelumnya dan menjelaskan segala sesuatu dan sebagai hidayah petunjuk serta rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman. (Surah Yusuf ayat 111)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Ilahi dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Bersempena 10 Muharam yang disebut sebagai ‘Hari Asyura’, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk:

### “MERENUNG HIKMAH SIRAH NABI MUSA AS

Al-Quran memaparkan pelbagai kisah para Rasul terdahulu untuk diambil pengajaran – dijadikan iktibar dalam kehidupan. Kisah Nabi Musa AS merupakan kisah yang paling banyak tercatat dalam al-Quran; menunjukkan banyak iktibar yang perlu ummah

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



berikan perhatian. Peristiwa Nabi Musa AS mencapai kemenangan dan diselamatkan daripada dikejar Firaun dan bala tenteranya telah berlaku pada hari Asyura.

Hadis Rasulullah SAW, diriwayatkan oleh Ibnu Abbas; bermaksud, “ketika Baginda SAW tiba di Madinah, didapati golongan Yahudi berpuasa pada hari Asyura. Baginda SAW berkata kepada mereka, mengapakah kamu berpuasa pada hari ini. Mereka menjawab hari ini hari yang mulia kerana Allah menyelamatkan Musa dan kaumnya serta menenggelamkan Firaun dan kaumnya. Lalu Nabi Musa AS berpuasa pada hari ini sebagai tanda kesyukuran, disebabkan itu kami pun turut berpuasa.”

### Para tetamu Allah yang dimuliakan,

Nabi Musa AS diutus kepada kaum Bani Israel yang ketika itu berada di bawah pemerintahan Firaun, seorang raja yang bersikap angkuh, bongkak, sombong dan zalim, melakukan penyeksaan sehingga tergamak membunuh setiap bayi lelaki yang berada atau dilahirkan di bumi Mesir. Apabila Firaun mendapati dakwah Nabi Musa AS mendapat sambutan dan semakin berkembang dalam kalangan rakyatnya, Firaun memerintahkan agar Nabi Musa AS dan kaumnya yang beriman dibunuh.

Allah SWT memerintahkan Nabi Musa AS berhijrah, membawa kaumnya keluar dari bumi Mesir. Firaun mengetahui perancangan tersebut; Firaun lalu mengerahkan seluruh tenteranya mengejar Nabi Musa AS seperti yang diperihalkan dalam ayat 61 hingga ayat 66 surah s-Syua’ra;

﴿فَلَمَّا تَرَى الْجُمَعَانَ قَالَ أَصْحَابُ مُوسَى إِنَّا لَمُدْرِكُونَ ﴿٦١﴾ قَالَ كَلَّا إِنَّ مَعِيَ رَبِّي سَيَهْدِينِ ﴿٦٢﴾  
فَأَوْحَيْنَا إِلَى مُوسَى أَنْ أَضْرِبْ بِعَصَاكَ الْبَحْرَ فَانْفَلَقَ فَكَانَ كُلُّ فِرْقٍ كَالطَّوْدِ الْعَظِيمِ ﴿٦٣﴾ وَأَزَلَفْنَا  
ثُمَّ الْآخِرِينَ ﴿٦٤﴾ وَأَنْجَيْنَا مُوسَى وَمَنْ مَعَهُ وَأَجْمَعِينَ ﴿٦٥﴾ ثُمَّ أَغْرَقْنَا الْآخِرِينَ ﴿٦٦﴾﴾

Bermaksud: Maka ketika kedua-dua golongan itu ternampak antara satu dengan yang lain, berkatalah para pengikut Musa, “Kita benar-benar akan tertangkap”. Musa menjawab, “Tidak sekali-kali (akan berlaku demikian). Sesungguhnya Tuhanku sentiasa bersamaku. (Dengan pemeliharaan dan pertolongan Nya) Dia akan memberi petunjuk kepadaku.” Lalu kami wahyukan kepada Musa, “Pukullah laut itu dengan tongkat mu.” (Setelah dipukul) maka terbelahlah lautan itu dan setiap belahan menjadi seperti



gunung yang besar. Dan kami dekatkan golongan yang lain ke situ. Dan kami selamatkan Musa dan orang yang bersama-samanya. Kemudian, Kami tenggelamkan golongan yang lain (yang mengejar mereka).

Ayat-ayat yang khatib bacakan itu, menggambarkan keadaan yang dilalui oleh Nabi Musa AS dan kaumnya. Ketika kaumnya merasakan bahawa mereka akan tertangkap oleh Firaun yang semakin hampir, sementara pergerakan mereka terhenti kerana tiada tempat selamat untuk dituju; Nabi Musa AS mengajar kaumnya agar meletakkan keyakinan yang tinggi kepada Allah SWT dalam apa jua urusan kehidupan.

Dalam menempuhi perjalanan kehidupan, jiwa harus dibekalkan dengan ketakwaan - disemai keyakinan yang utuh serta keimanan yang tinggi pada kekuasaan Allah SWT. Ummah wajib insaf bahawa setiap ujian yang telah ditakdirkan dalam suratan qadak dan qadar Ilahi, bertujuan melihat sejauh mana kepercayaan dan kebergantungan hamba Nya terhadap kuasa Allah SWT sebagai Tuhan yang Maha Mentadbir segala urusan. Ujian kesakitan, kehilangan orang tersayang, kesempitan hidup dan sebagainya memerlukan ummah untuk sentiasa bersangka baik kepada Ilahi, di samping tidak berputus asa dengan rahmat Nya.

Allah SWT perintah Nabi Musa AS untuk memukul Laut Merah dengan tongkat yang ada di tangannya. Dengan penentuan Ilahi, kaumnya menyaksikan keajaiban luar biasa kuasa Allah SWT, laut terbelah kepada laluan yang membolehkan kaumnya menyelamatkan diri. Apakah hikmah Allah SWT menurunkan perintah untuk Nabi Musa memukul laut terlebih dahulu? sedangkan Allah SWT berkuasa menurunkan bantuan pada bila-bila masa sahaja.

Perintah tersebut mengisyaratkan kepada ummah bahawa dalam setiap urusan kehidupan, Allah SWT menghendaki umatnya berusaha dan tidak hanya duduk sambil mengharap bulan jatuh ke riba – atau inginkan kejayaan tanpa usaha. Umat Islam diwajibkan bekerja – berusaha menyempurnakan amanah, dan berusaha menabur bakti demi masa hadapan agama, bangsa dan negara. Umat Islam tidak wajar mensia-siakan usia dan masa lapang, sebaliknya hendaklah dimanfaatkan dengan kegiatan yang mendatangkan kebaikan.



Mengambil pengajaran daripada kisah yang khatib sampaikan, ummah wajib berada di atas landasan tauhid. Ummah harus bangkit mengorak langkah, menyemai semangat juang yang tinggi, berpandukan ilmu yang sahih, dikembarkan dengan usaha, doa dan tawakal kepada Illahi. Selagi ummah cekal yakin kepada Allah SWT, insya-Allah pertolongan akan hadir dalam bentuk yang tidak disangka-sangka walau seberat mana ujian yang ditempuhi.

### **Jemaah yang dimuliakan,**

Mimbar menitipkan beberapa saranan:

**Pertama:** Setiap dugaan yang dihadapi, datangnya daripada Allah SWT untuk menguji tahap ketabahan, keyakinan dan keimanan insan terhadap Allah SWT.

**Kedua:** Terkandung dalam al-Quran kisah-kisah kegigihan para Nabi menyampaikan seruan Illahi, menghadapi pelbagai cabaran dan ujian, dan pada akhirnya mencapai kejayaan dengan pertolongan dan mukjizat kurniaan Illahi. Kisah perjuangan para Nabi hendaklah diceritakan dengan olahan yang berjaya menarik minat dan menyemaikan rasa penghargaan anak-anak kepada pengorbanan yang dilakukan oleh para Nabi dalam memenuhi perintah Illahi.

**Ketiga:** Kesungguhan dan ketabahan para Nabi memenuhi amanah dan perintah Allah SWT hendaklah dijadikan sumber rujukan dan sumber ilham kepada setiap ummah melakukan yang makruf dan menolak yang mungkar.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا يُؤَافِي نِعَمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ  
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي  
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ  
وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** Muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Bimbing kami agar sentiasa meminati membaca dan memahami kandungan al-Quran untuk dijadikan panduan hidup. Kurniai kami ketabahan dan kecekalan dalam menyempurnakan tugas. Jauhi kami daripada sifat malas, mensia-siakan waktu yang akhirnya mengakibatkan kerugian dunia dan akhirat.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulki!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾.